

UMP pergiat usaha memperkasa hubungan Alumni

ALUMNI Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang kini mengisi keperluan tenaga profesional di pelbagai sektor, firma dan industri di negara ini mempunyai kewajipan yang perlu dilunaskan dalam menyumbang tenaga serta buah fikiran untuk membangunkan universiti.

Dalam hubungan ini warga alumni bukan sahaja merupakan intelektual



universiti malah modal insan yang berperanan ke arah melahirkan warga universiti yang intelektual.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP akan terus menggiatkan usaha memperkasa hubungan antara universiti dengan warga alumni melalui aktiviti penubuhan alumni peringkat bahagian.

“Alumni UMP perlu memastikan mereka

UM (Mega Panjus) liniin 20/12/2012

aktif mengadakan aktiviti yang boleh memberikan membawa nama universiti terhebat di negara ini,” katanya semasa meraikan ahli alumni dalam Majlis Minum Petang dan Pelancaran Jawatankuasa Penaja Alumni, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Daing Nasir berharap alumni FKKSA dan JHEPA dapat mewujudkan jaringan sebagai langkah awal memantapkan persatuan dalam melaksanakan aktiviti dan program.

Majlis anjuran FKKSA dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) itu turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof Datuk Dr. Rosli Mohd Yunus; Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dr. Yusarie Zainuddin dan Dekan FKKSA, Prof. Madya Zulkafli Hassan.

Hadir sama, Presiden Persatuan Alumni UMP, Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman dan Presiden Jawatankuasa Penaja Alumni Chapter FKKSA, Wan Mohd. Hidayat Wan Abdullah.



DAING Nasir Ibrahim (duduk tengah) bersama alumni, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), UMP di Kuala Lumpur, baru-baru ini